

## **PENDIDIKAN SEPANJANG HAYAT DAN CABARAN SOSIAL PADA KALANGAN PELAJAR DEWASA**

**Rabiatul-Adawiah Ahmad Rashid  
Nooraida Yakub**

**Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan  
Universiti Sains Malaysia**

### **Abstrak**

Agenda pendidikan sepanjang hayat merupakan satu proses pendemokrasian pendidikan yang merangkumi pemerolehan pengetahuan, kemahiran dan kemajuan diri seseorang individu secara berterusan tanpa mengira batasan umur. Secara idealnya, proses pembelajaran berpusatkan pelajar yang diamalkan pada masa kini menuntut pelajar, sama ada pelajar dewasa mahupun pelajar tradisional saling berinteraksi dan berkomunikasi secara aktif antara satu sama lain. Bukti literatur pula menunjukkan bahawa perubahan dan transformasi merupakan satu perkara yang sukar untuk dilakukan oleh seseorang individu khususnya pada peringkat usia dewasa. Kajian ini ingin menganalisa cabaran sosial yang dihadapi di kalangan pelajar dewasa. Secara lebih mendalam, kajian ini juga dijalankan dengan tujuan mengenal pasti cabaran yang dihadapi ketika meneruskan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi dan bagaimana mereka menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi di samping menempuhi alam pekerjaan dan kehidupan berkeluarga mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya. Temu bual dijalankan untuk mendapat data. Soalan-soalan separa berstruktur bagi temu bual telah dibina berdasarkan tinjauan literatur. Responden kajian terdiri daripada 17 orang responden warga guru. Kriteria pemilihan responden adalah berumur melebihi 45 tahun, tempoh perkhidmatan melebihi 15 tahun, berkeluarga, masih berkhidmat dalam perkhidmatan awam dan memegang jawatan pentadbiran di sekolah masing-masing serta masih lagi dalam tempoh pengajian Ijazah Sarjana Muda. Dapatan kajian menunjukkan hampir semua responden menghadapi masalah mengikuti pengajian mereka. Komitmen terhadap tugas-tugas harian di sekolah menjadikan pengajian mereka sesuatu yang sukar dilaksanakan. Namun begitu, motivasi intrinsik seperti semangat untuk memajukan diri dan keyakinan membuatkan mereka mampu untuk menempuhi cabaran-cabaran dengan jayanya. Sebaliknya cabaran-cabaran yang dihadapi menjadi pendorong kepada mereka untuk terus belajar untuk melengkapkan pengajian mereka. Hal ini kerana mereka mempunyai pandangan yang positif terhadap ilmu pengetahuan serta bagaimana melengkapkan pengajian menjadikan mereka mampu memberi perkhidmatan yang lebih baik.

**Kata kunci:** pendidikan sepanjang hayat, cabaran sosial, pelajar dewasa

## **Pengenalan**

Pelajar dewasa atau juga dikenali sebagai pelajar bukan tradisional merupakan sub kategori pelajar yang menyambung semula pengajaran di kampus, setelah lama meninggalkan bangku persekolahan (Cross 1981). Dalam konteks Malaysia, terdapat pelbagai jenis program pengajian yang ditawarkan bagi memenuhi keperluan pelajar dewasa antaranya, secara jarak jauh, secara atas talian ataupun secara pengajian dalam kampus. Bagi pelajar dewasa yang mengikuti pengajian dalam kampus, mereka harus menjalani proses pembelajaran yang sama seperti pelajar tradisional. Mereka harus bersama-sama menghadiri sesi kuliah dan tutorial, menghadiri kuliah, menyiapkan tugas, melakukan pembentangan dan sebagainya.

Bagaimanapun, pelajar dewasa mempunyai ciri-ciri tertentu yang berbeza dengan pelajar tradisional. Knowles (1984) membincangkan ciri-ciri tersebut sebagai berikut iaitu; mempunyai anatomi, mempunyai konsep sendiri sebagai pelajar, berpengalaman dalam hidup, berorientasikan matlamat, berorientasikan fakta dan kepentingan, menekankan praktikaliti dan perlu ditunjukkan penghormatan. Menghimpunkan dua kategori pelajar yang mempunyai perbezaan ciri yang ketara dalam satu kelas secara tidak langsung boleh menyebabkan ketidaklancaran dalam proses pembelajaran khususnya apabila berlakunya jurang dalam aspek komunikasi dan interaksi sosial.

Ciri pelajar dewasa yang mempunyai kelebihan dari segi usia dan pengalaman misalnya, boleh mewujudkan personaliti dominan semasa aktiviti berkumpulan diadakan (Crawford 2004). Perbezaan budaya antara generasi juga melebarkan lagi jurang komunikasi ini (Kasworm 2009). Selain itu, proses pembelajaran semasa yang telahpun menjalani transformasi daripada yang bersifat tradisional dan pasif kepada proses pembelajaran bersifat aktif, komunikatif dan berpusatkan pelajar (Kasworm 2003, O'Neill & MacMahon 2005) turut menyumbang kepada jurang komunikasi ini. Sedangkan secara idealnya, proses pembelajaran berpusatkan pelajar yang diamalkan pada masa kini menuntut pelajar, sama ada pelajar dewasa mahupun pelajar tradisional saling berinteraksi dan berkomunikasi secara aktif antara satu sama lain.

Bukti literatur pula menunjukkan bahawa perubahan dan transformasi merupakan satu perkara yang sukar untuk dilakukan oleh seseorang individu khususnya pada peringkat usia dewasa (McCrae & Costa 2006). Menurut McCrae dan Costa (2006), paten pemikiran, tindakan dan perasaan manusia adalah bersifat tegar, sebatu dan sukar diubah walaupun mengikut perubahan usia. Oleh itu, kajian ini ingin mengenal pasti cabaran-cabaran sosial yang dihadapi oleh pelajar dewasa dan pendekatan mereka dalam menangani cabaran tersebut.

## **Objektif Kajian**

Secara terperinci, kajian ini ingin mengenal pasti cabaran-cabaran sosial dalam kalangan pelajar dewasa bukan tradisional dalam menjalani proses pembelajaran. Pada masa yang sama, kajian ini juga berhasrat untuk meneroka pendekatan pelajar-pelajar dewasa bukan tradisional dalam menangani cabaran-cabaran sosial dalam menjalani proses pembelajaran tersebut.

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian eksplorasi berbentuk kualitatif. Data kajian diperolehi menerusi kaedah temu bual separa berstruktur. Instrumen yang digunakan adalah satu set protokol temu bual yang dibina berdasarkan tinjauan literatur dan kajian lampau.

Dalam tatacara temu bual, responden diminta untuk menjawab soalan-soalan temu bual yang disediakan secara bertulis. Borang temu bual diberikan secara bersemuka kepada responden oleh pengkaji manakala responden pula diberi kebebasan untuk mengambil masa beberapa hari bagi menyatakan pandangan mereka. Jawapan responden kemudiannya dianalisis bagi mendapatkan tema tertentu sebagai hasil daripada kajian ini.

Responden kajian merupakan sekumpulan pelajar dewasa yang sedang mengikuti pengajian peringkat ijazah pertama di salah sebuah universiti tempatan. Pemilihan responden adalah berdasarkan teknik persampelan bertujuan yang sesuai untuk sebuah kajian kualitatif. Kriteria utama kelompok responden ini adalah:

1. Berusia lebih daripada 45 tahun.
2. Penuntut ijazah pertama secara sambilan di universiti awam. Istilah 'pelajar sambilan' bermaksud pelajar yang merupakan seorang yang mempunyai pekerjaan tetap, tetapi pada masa yang sama sedang meneruskan pengajian secara formal. Dalam konteks kajian ini, responden terbatas kepada pelajar bukan tradisional yang berkhidmat sebagai guru, dan meneruskan pengajian dalam bidang perguruan.
3. Sudah berkeluarga.
4. Masih berkhidmat sebagai guru di sekolah. Responden kajian ini terbatas kepada pelajar dewasa yang berkhidmat sebagai guru di sekolah-sekolah awam di Malaysia. Sungguhpun, skop pemilihan responden ini adalah spesifik kepada satu jenis pekerjaan sahaja, namun kriteria responden ini adalah signifikan kerana menurut Wlodkowski & Kasworm (2003) bidang pendidikan guru merupakan antara bidang yang menerima permohonan kemasukan yang tinggi pada kalangan pelajar dewasa.
5. Telah berkhidmat dalam bidang perguruan sekurang-kurang 15 tahun.
6. Meneruskan pengajian dalam bidang perguruan.

## Dapatan dan Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian, dapat dikenalpasti beberapa kategori cabaran yang berlaku di kalangan pelajar dewasa di pusat pengajian tinggi. Kategori-kategori tersebut kemudiannya diberikan kod-kod yang tertentu. Kategori-kategori tersebut adalah seperti berikut:

Kod	Kategori	Maklumbalas responden
CS1	Aspek pengurusan masa	Masa bersama keluarga Masa untuk menyiapkan tugas di sekolah Masa untuk menyiapkan tugas pengajian Akses internet yang sering gagal
CS2	Aspek pengurusan kewangan	Kos pengangkutan
CS3	Kesihatan	Tekanan fikiran Keletihan akibat masa rehat yang kurang Keletihan akibat memandu jauh Faktor umur

CB1	Tahap pengajian	Tahap isi kandungan pembelajaran yang tinggi dan mencabar. Meragui keupayaan intelektual diri mereka untuk mengikuti dan memahami pengajian.
-----	-----------------	---

Jadual 1: Kategori Andaian Awal Cabaran Sosial Pelajar Dewasa

Berdasarkan maklumbalas responden, didapati bahawa kebanyakan daripada kategori-kategori cabaran ini telahpun dijangkakan terlebih dahulu oleh responden sebelum mereka memulakan pengajian. Kategori cabaran tersebut adalah daripada kategori CS1-CS3. Bagaimanapun, didapati bahawa sebelum memulakan pengajian responden turut menjangkakan cabaran dalam kategori CB1 iaitu kategori tahap pengajian. Dalam kategori ini, terdapat responden yang menjangkakan satu tahap isi kandungan pembelajaran yang tinggi dan mencabar. Responden juga merakui keupayaan intelektual diri mereka untuk mengikuti dan memahami pengajian. Dapatan ini sejajar dengan huraian tinjauan literatur sepertimana dilaporkan oleh Ross-Gordon (2003). Sebaliknya, dapatan seterusnya daripada kajian ini menunjukkan bahawa setelah sesi pengajian bermula, kategori cabaran ini didapati tidak dihadapi oleh responden (Jadual 2). Pada pandangan pengkaji, keadaan ini mungkin didorong oleh sifat jenis bidang pengajian yang dipilih, iaitu perguruan. Guru yang melanjutkan pengajian, secara tidak langsung menerima pengaruh persekitaran bidang pendidikan khususnya di sekolah yang menekankan aspek motivasi dan pencapaian dalam pembelajaran. Selain itu, pelajar dewasa juga mempunyai kelebihan dari sudut pengalaman dan kematangan yang dapat membantu mengukuhkan pembelajaran mereka berbanding pelajar biasa (Fairchild, 2003; Hardin, 2008).

Kod	Kategori	Maklumbalas responden
CS1	Aspek pengurusan masa	Masa bersama keluarga Masa untuk menyiapkan tugas di sekolah Masa untuk menyiapkan tugas pengajian Akses internet yang sering gagal
CS2	Aspek pengurusan kewangan	Kos pengangkutan
CS3	Kesihatan	Tekanan fikiran Keletihan akibat masa rehat yang kurang Keletihan akibat memandu jauh Faktor umur

Jadual 2: Kategori Cabaran Sosial Sebenar Pelajar Dewasa

Dalam aspek pengurusan masa, responden didapati menghadapi masalah untuk menguruskan masa mereka antara komitmen terhadap keluarga, menyiapkan tugas pengajian dan mengulangkaji pelajaran serta menyiapkan tugas sekolah. Menurut responden, bebanan kerja rasmi, sama ada di dalam sekolah mahupun di luar sekolah mengambil banyak daripada masa mereka. Pada masa yang sama, terdapat banyak tugas pengajian yang perlu disiapkan

dalam tempoh masa yang singkat dan terhad. Kedua-dua komitmen ini sedikit sebanyak mengurangkan tempoh masa responden untuk bersama keluarga. Selain daripada itu, memandangkan sifat program pembelajaran responden yang merupakan pembelajaran sendiri secara atas talian, kesukaran mendapatkan akses internet juga memberikan masalah kepada responden. Responden terpaksa menghabiskan masa yang lama untuk menyelesaikan sesuatu tuagasan atas talian semata-mata kerana akses internet yang lembab dan sering terputus-putus. Lokasi tempat pengajian yang jauh juga menyebabkan responden terpaksa menghabiskan banyak masa di jalanan.

Seterusnya, berbeza dengan pelajar ijazah sarjana muda tradisional, responden meletakkan kesihatan sebagai salah satu cabaran utama yang mereka hadapi. Merujuk kepada dapatan demografi responden, semua responden merupakan pelajar dewasa yang telahpun menjangkau usia melebihi 45 tahun. Kebanyakan responden merasakan bahawa keupayaan mereka untuk menghadapi sebarang tekanan telah semakin menurun termasuklah tekanan dalam pelajaran. Selain tekanan mental, responden juga menghadapi kesukaran dari sudut kesihatan fizikal. Terdapat responden yang mengidap penyakit-penyakit yang tertentu. Terdapat juga responden yang sentiasa berada dalam keadaan tidak cergas akibat keletihan ekoran masa rehat yang tidak mencukupi. Keadaan ini tidak berlaku kepada penuntut ijazah sarjana muda tradisional (yang bukan daripada kalangan pelajar dewasa) kerana mereka masih lagi berada dalam lingkungan usia yang masih cergas dan bertenaga.

Dalam konteks pengurusan kewangan, responden mendapatkan kelebihan kerana segala perbelanjaan pengajian ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Bagaimanapun, kekangan kewangan timbul kerana lokasi tempat pengajian yang jauh daripada kawasan kediaman responden. Terdapat responden yang harus mengambil kenderaan awam termasuk kapalterbang dan bot untuk sampai ke tempat pengajian, selain memandu sendiri setiap kali harus menghadiri kuliah.

Bagaimanapun, berbanding dengan kumpulan pelajar tradisional, memandangkan kumpulan responden ini merupakan kumpulan responden yang dalam kumpulan umur yang sama, didapati tiada masalah komunikasi yang timbul akibat daripada perbezaan jurang umur dan generasi antara mereka. Selain itu, responden juga tidak mempunyai masalah untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan di universiti kerana mereka tidak perlu untuk tinggal dalam kawasan universiti dan berada di dalam universiti sepanjang tempoh pengajian mereka, tidak sepertimana yang dicadangkan oleh Kasworm (2009).

Tekanan yang berlaku akibat daripada cabaran-cabaran tersebut memerlukan responden mengambil tindakan-tindakan yang tertentu untuk mendepani cabaran-cabaran berkenaan. Pendekatan-pendekatan tersebut dapat dirumuskan menerusi Jadual 3.

Kod	Kategori	Maklumbalas responden
T1	Mendisiplinkan diri dan masa	Menyusun jadual harian Menyusun jadual belajar Menyusun jadual keutamaan
T2	Bantuan orang terdekat	Meminta bantuan rakan-rakan dalam pelajaran. Meminta bantuan ahli keluarga dalam urusan peribadi.

T3	Menjaga kesihatan	Menjaga pemakanan
T4	Motivasi diri	Berfikiran positif Yakin diri

Jadual 3: Kategori Pendekatan Menghadapi Cabaran Sosial oleh Pelajar Dewasa

Cabaran dalam melanjutkan pelajaran secara tidak langsung menjadikan responden lebih berdisiplin terutamanya dalam menguruskan masa mereka. Keadaan ini bertepatan dengan pandangan Cercone (2008) tentang sifat pelajar dewasa bukan tradisional. Responden harus menyusun, merancang dan mengatur masa mereka dengan lebih baik. Responden harus menyediakan jadual harian, khususnya berkaitan tugas mereka di sekolah, jadual belajar untuk memastikan mereka dapat menyiapkan tugas pada masa yang ditetapkan. Selain itu, responden juga harus menyediakan jadual tugas pengajian dan jadual tugas di sekolah berdasarkan keutamaan serta mendisiplinkan diri mereka untuk mengikut jadual yang ditetapkan.

Bagaimanapun, cabaran-cabaran ini juga menjadikan responden lebih bergantung kepada orang-orang disekeliling mereka khususnya ahli keluarga terdekat dan rakan-rakan yang turut sama melanjutkan pelajaran bersama-sama mereka. Dapatan ini menunjukkan keadaan yang berbeza berbanding dengan pandangan Knowles (1984) tentang pembelajaran sendiri golongan dewasa. Responden memerlukan tahap persefahaman yang tinggi daripada pasangan serta ahli keluarga terdekat untuk menyelesaikan pelbagai isu peribadi serta tempoh masa yang terhad untuk bersama. Pada masa yang sama juga, kebergantungan kepada rakan-rakan juga tinggi khususnya untuk membantu menyiapkan tugas pengajian, serta membantu meningkatkan kemahiran dalam bidang IT memandangkan sifat pengajian mereka yang bersifat pembelajaran atas talian. Keadaan ini bertepatan dengan pandangan Cercone (2008) tentang sifat pelajar dewasa bukan tradisional.

Seterusnya, cabaran pengajian juga menyebabkan responden menjadi lebih prihatin terhadap kepentingan kesihatan mereka. Responden menjadi lebih berhati-hati dalam menjaga kesihatan fizikal mereka supaya sentiasa sihat dan bertenaga untuk menyelesaikan tuntutan tugas kerja dan pengajian. Responden juga berusaha untuk menjaga kesihatan mental mereka supaya tidak terlalu tertekan dengan beban kerja dan pengajian mereka. Selain itu, responden didapati menerima cabaran-cabaran yang mereka hadapi sebagai seorang pelajar dewasa bukan tradisional secara positif. Cabaran-cabaran berkenaan tidak dilihat sebagai perkara yang mematahkan motivasi mereka untuk menamatkan pengajian dengan jayanya, sebaliknya menambah azam mereka untuk mendapatkan ijazah. Responden berusaha untuk meningkatkan motivasi diri mereka dengan berfikiran positif dan meyakinkan diri tentang keupayaan dan kebolehan mereka.

### **Kesimpulan**

Kemasukan pelajar dewasa dalam pendidikan tinggi adalah antara manifestasi dasar pembelajaran berterusan (*lifelong learning*) yang semakin ditekankan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Sejajar dengan kesediaan pelajar dewasa meneruskan pengajian, mereka harus diberi ruang untuk mengikuti pembelajaran secara berkualiti. Bagaimanapun, senario persekitaran pembelajaran bagi golongan dewasa harus juga difahami

supaya proses pembelajaran dapat berlaku dengan jayanya dan mengurangi kadar *drop-out* di kalangan pelajar dewasa bukan tradisional.

Dapatan kajian ini dapat memberikan manfaat bagi membolehkan pelajar dewasa, khususnya golongan guru, melakukan perancangan proaktif dalam menghadapi realiti pembelajaran. Perancangan dan tindakan bagi mengurangkan kesan negatif cabaran-cabaran pembelajaran dewasa sama ada dari sudut cabaran sosial, cabaran psikologi mahupun cabaran institusi dan akademik adalah penting untuk memastikan kejayaan pelajar dewasa dalam pembelajaran.

## Rujukan

- Cercone, K. (2008). Characteristics of adult learners with implications for online learning design, *ACE Journal*, 16(2), 137-159.
- Crawford, L. 2004. *The Role of Aging in Adult Learning: Implication for Instructors in Higher Education*. New Horizon for Learning.  
[http://www.newhorizons.org/lifelong/higher\\_ed/crawford.htm](http://www.newhorizons.org/lifelong/higher_ed/crawford.htm) 10 Februari 2010
- Cross, P. 1981. *Adult as Learners*. San Francisco: Jossey Bass.
- Fairchild, E.E. 2003. *Multiple roles of adult learners*. New Directions for Student Services. No. 102, Summer 2003.
- Hardin, C.J. 2008. *Adult students in higher education: A portrait of transitions*. New Directions for Higher Education. No 144, Winter 2008.
- Kasworm, C.E. 2003. *Adult Meaning Making in an Undergraduate Classroom*, Vol 53 (2), 81-98
- Kasworm, C.E. 2009. *Adult Learners in a Research University: Negotiating Undegraduate Student Identity*. *Adult Education Quarterly*. Nov 2009; vol. 0: pp. 0741713609336110v1.  
<http://aeq.sagepub.com> 20 Februari 2010
- Knowles, M. S. et al. 1984. *Andragogy in action: Applying modern principles of adult education*. San Francisco: Jossey Bass.
- McCrae, R.R. & Costa, P.T. 2006. *Personality in adulthood: A five factor theory perspectives*. Ed. ke-2. New York: The Guilford Press.
- O'Neill, G. & McMahon, T. 2005. *Student-centred learning: What does it mean for students and lecturers?* Emerging Issues in the Practice of University Learning and Teaching. O'Neill, G., Moore, S., McMullin, B. (Eds). Dublin: All Ireland Society for Higher Education, 2005.  
<http://www.aishe.org/readings/2005-1/> 20 Februari 2010
- Ross-Gordon, J.M. 2003. *Adult learners in the classroom*. New Direction for Student Services. No. 102. Summer 2003.
- Wlodkowski, R.J. & Kasworm, C.E. 2003. *Accelerated learning: Future roles and influences*. New Directions for Adult and Continuing Education. No 97, Spring 2003.